



100 HARI Aspirasi >> #KELUARGA MALAYSIA



ISMAIL Sabri menyampaikan ucapan di Majlis 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. FOTO Eizairi Shamsudin

Kuala Lumpur: Laporan pencapaian 100 hari Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) penting dalam menentukan hala tuju kerajaan mencapai matlamat agar kehidupan lebih baik dalam kalangan Keluarga Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, aspirasi pentadbiran yang direncanakan kerajaan bukan janji kosong namun ia adalah usaha bersepada dilaksanakan secara cekal.

Menurutnya, kerajaan sedar akan keperluan untuk bekerja bersama rakyat dalam memulihkan isu kesihatan dan ekonomi.

Katanya, iktikad menjaga Keluarga Malaysia dibuat dengan setiap perancangan berpaksikan kesejahteraan rakyat supaya terpelihara seperti sebuah keluarga.

"Prestasi keseluruhan 100 hari Jemaah Menteri belum menepati sasaran 100 peratus seperti yang dihasratkan.

"Namun ketika ini, Ahli Jemaah Menteri sudah mencapai sekitar 90 peratus dan sesetengah prestasi tidak boleh dinilai daripada kaji selidik semata-mata.

"Maka, peratusan yang dicapai ini bukan alasan untuk kita mendabik dada sebaliknya ia menyuntik kesungguhan dan iltizam untuk kami terus bekerja bersama rakyat," katanya ketika berucap dalam Majlis Perasmian 100 Aspirasi Keluarga Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini, hari ini.

Turut hadir dalam majlis itu, Menteri Kanan Menteri, Menteri dan Timbalan Menteri serta Ketua Setiausaha Negara.

Dalam majlis sama juga, Ismail Sabri menyampaikan sumbangan Yayasan Keluarga Malaysia kepada lapan penerima yang terkesan kerana kehilangan ibu bapa akibat Covid-19 dan kemalangan jalan raya.

Ismail Sabri turut meluangkan masa melawat pameran kementerian, agensi dan syarikat swasta selain beramah mesra dengan pengunjung.

Perdana Menteri juga mengumumkan sebanyak 24,300 peluang pekerjaan membabitkan 75 majikan ditawarkan melalui Karnival Kerjaya di program Aspirasi 100 Hari sepanjang empat hari ini.

Ismail Sabri juga berterima kasih kepada Keluarga Malaysia atas pencapaian ini yang bukan hanya memberikan tumpuan kepada petunjuk prestasi utama (KPI) tetapi mengambil kira persepsi Keluarga Malaysia melalui soal selidik yang diberikan.

"Pembabitan Keluarga Malaysia dalam menilai kepemimpinan, integriti, komunikasi, kebolehpercayaan, responsif dan empati setiap Jemaah Menteri dan kementerian amat dihargai.

"Seramai 190,914 ahli Keluarga Malaysia terbabit dalam tinjauan soal selidik oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Pengurusan Malaysia (Mampu) untuk menilai pencapaian Jemaah Menteri dan kementerian.

"Usaha ini permulaan bersejarah kerana penilaian 360 darjah buat pertama kalinya dilaksanakan untuk menilai pencapaian kerajaan dan saya berharap lebih ramai Keluarga Malaysia memberikan pandangan bagi memperkuuh sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan memahami bahawa rakyat meletakkan harapan yang tinggi terhadap kerajaan ini namun 100 hari bukan jangka masa yang memadai untuk mengukur prestasi.

Katanya, masih terdapat ruang yang perlu diberikan perhatian serius dan ditambah baik.

"Secara kolektif, kita bergerak mengharungi dan menerjah rintangan dalam memacu negara ke hadapan bersandarkan semangat Keluarga Malaysia sejati," katanya.

Disiarkan pada: Disember 9, 2021 @ 6:15pm